



## PRESS RELEASE

### MISUSE OF BDCB NAME AND LOGO TO PROMOTE UNLICENSED MONEYLENDERS

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) has recently become aware of certain Facebook accounts that are offering illegal money lending services (or loans) to the public and falsely claiming to have been promoted by BDCB by misusing the BDCB name, logo, and images of its employees.
2. BDCB wishes to inform the public that BDCB does not promote any financial services and advises the public to be wary of such advertisement, which more often than not, would contain **BDCB's name and logo without BDCB's consent**, in order to provide a sense of legitimacy to the business.
3. Any persons carrying the business of a moneylender are required to be licensed by BDCB under the Moneylenders Act, Cap. 62. It is an offence under Section 8 (1) of the Moneylenders Act for any person to carry on the business of a moneylender without a license, punishable upon conviction with a fine and imprisonment. In this regard, BDCB will take serious action against unlicensed moneylenders.
4. BDCB would like to **emphasise that any person who uses BDCB's name, symbol, design or representation** without its written permission or uses a name, symbol, design or representation identical or resembles **BDCB's name, symbol, design or representation with the intentions of deceiving or to cause confusion** or to be likely to deceive or cause confusion, is committing an offence under Section 74A of the Brunei Darussalam Central Bank Order, 2010, which carries a penalty of a fine not exceeding BND20,000 or imprisonment for a term not exceeding seven (7) years, or both.
5. In this regard, BDCB advises the public to avoid unlicensed online entities that offer financial services or moneylending. Dealing with such entities poses risks to ones finances and well-being due to the high interest rates that they typically impose and their aggressive debt recovery tactics. Further, scammers may impersonate such entities and pretend to offer money lending services but are actually phishing attempts to obtain personal and financial information, including by getting people to install malicious applications on personal devices. As such, BDCB strongly advises the public against sharing personal and financial information with any third party, including close relatives and friends. It is also important to always secure smart devices in order to avoid unauthorised access and information theft that can lead to financial loss.
6. Members of the public who wish to obtain loans or financing are advised to only deal with financial institutions licensed by BDCB, such as banks and finance companies. Any member of the public choosing to deal with entities, companies, or individuals that are not licensed and regulated by BDCB will not have the protection **provided under BDCB's regulatory framework**. For the list of financial institutions licensed by BDCB as well as the BDCB Alert List, please visit the BDCB website at [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn).

7. If members of the public come across or suspect individuals/entities offering unlicensed moneylending services, contact the BDCB Financial Consumer Issues at +673 8380007 or email [fci@bdcdb.gov.bn](mailto:fci@bdcdb.gov.bn). Members of the public are also advised to lodge a report immediately to the Royal Brunei Police Force at the nearest police station or call 993 if they fall victim to such illegal practices. BDCB, in collaboration with other relevant enforcement authorities, continuously monitors any suspicious or unlicensed financial activities in Brunei Darussalam.

Brunei Darussalam Central Bank

Date: 26 Ramadhan 1445H / 6 April 2024M

Reference: BDCB/COMMS/3

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) has four main objectives; to achieve and maintain domestic price stability; to ensure the stability of the financial system, in particular by formulating financial regulations and prudential standards; to assist in the establishment and functioning of efficient payment systems and to oversee them; and to foster and develop a sound and progressive financial services sector.



## SIARAN AKHBAR

### PENYALAHGUNAAN NAMA DAN LOGO BDCB UNTUK MEMPROMOSIKAN PEMBERI PINJAMAN WANG TANPA LESEN

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mengambil perhatian mengenai akaun Facebook tertentu yang menawarkan perkhidmatan pinjaman wang tanpa lesen kepada orang ramai dan secara palsu mendakwa telah dibenarkan oleh BDCB dengan menyalahgunakan nama dan logo BDCB serta imej pegawai-pegawai BDCB.
2. Pihak BDCB ingin memaklumkan orang ramai bahawa BDCB tidak mempromosikan mana-mana perkhidmatan kewangan atau tawaran pinjaman wang. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk berwaspada terhadap iklan-iklan tawaran pinjaman wang yang menggunakan nama dan logo BDCB tanpa kebenaran BDCB, yang bertujuan untuk memperdayakan orang ramai bahawa perniagaan mereka adalah sah.
3. Mana-mana pihak atau individu yang menjalankan perniagaan pemberi pinjaman wang hendaklah mempunyai lesen di bawah Akta Pemberi Pinjaman Wang, Penggal 62. Menurut Seksyen 8(1) Akta Pemberi Pinjaman Wang. Menjalankan perniagaan meminjamkan wang tanpa lesen adalah satu kesalahan dan jika sabit kesalahan akan dikenakan denda dan dipenjarakan. Dalam pada itu, BDCB tidak teragak-agak mengambil tindakan ke atas pemberi pinjaman wang yang tidak berlesen.
4. Pihak BDCB ingin menekankan bahawa sesiapa yang menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran BDCB tanpa kebenaran bertulis atau menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran BDCB yang serupa atau menyerupai nama, simbol, rekabentuk atau gambaran BDCB yang bertujuan sama ada untuk memperdaya, menipu, menyebabkan kekeliruan atau berkemungkinan untuk memperdaya, menipu, atau menyebabkan kekeliruan adalah merupakan kesalahan di bawah Bab 74A Perintah Brunei Darussalam Central Bank, 2010, dan jika sabit kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi BND20,000, penjara tidak melebihi tujuh (7) tahun, atau kedua-duanya sekali.
5. Dalam hal ini, BDCB ingin menasihatkan orang ramai untuk tidak berurusan dengan sesiapa sahaja dalam talian yang tidak berlesen yang menawarkan perkhidmatan kewangan atau pinjaman wang. Berurusan dengan entiti yang tidak berlesen adalah menimbulkan risiko kepada kewangan dan kesejahteraan disebabkan oleh kadar faedah tinggi yang biasanya mereka kenakan dan taktik pembayaran balik pinjaman yang agresif. Seterusnya, penipu-penipu atau scammers juga boleh menyamar sebagai pemberi pinjaman wang sebagai cubaan memancing data (phishing) untuk mendapatkan maklumat peribadi dan kewangan termasuk memperdaya untuk memasang aplikasi berniat jahat pada peranti pintar (smart devices) mangsa. Oleh itu, BDCB menasihatkan orang ramai supaya tidak berkongsi maklumat peribadi dan kewangan dengan mana-mana pihak ketiga, termasuk saudara mara dan rakan terdekat. Sentiasa melindungi peranti pintar adalah penting bagi mengelakkan sebarang akses tanpa kebenaran dan kecurian maklumat yang akan menyebabkan kerugian kewangan.
6. Orang ramai yang ingin membuat pinjaman atau pembiayaan kewangan dinasihatkan untuk hanya berurusan dengan bank-bank dan syarikat kewangan yang berlesen. Jika sekiranya orang ramai memilih untuk menjalankan urusan dengan entiti, syarikat, atau individu yang tidak dilisenkan dan dikawal selia oleh BDCB, mereka tidak akan dilindungi di bawah rangka kerja pengawalseliaan yang ditadbir oleh

BDCB. Untuk mendapatkan senarai institusi-institusi kewangan dan individu yang dilesenkan oleh BDCB serta BDCB Alert List, sila layari laman web BDCB di [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn).

7. Orang ramai yang mempunyai maklumat atau mengesyaki entiti/individu yang menawarkan perkhidmatan pinjaman wang tanpa lesen agar menghubungi Isu Pengguna Kewangan, BDCB di +673 8380007 atau emel [fci@bdcg.gov.bn](mailto:fci@bdcg.gov.bn). Orang ramai juga dinasihatkan untuk membuat laporan dengan segera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei di balai polis berhampiran, atau melalui 993 jika awda telah menjadi mangsa aktiviti kewangan yang tidak berlesen tersebut. BDCB, dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan, sentiasa memantau aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 26 Ramadhan 1445H / 6 April 2024M

Rujukan: BDCB/COMMS/3

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mempunyai empat objektif utama iaitu untuk: mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.